

## KEMAHIRAN GENERIK: HUBUNGAN NILAI AMANAH DENGAN ETIKA DAN MORAL PROFESIONAL DALAM KALANGAN PELAJAR UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA

Rashidi Bin Abbas [1], Fakhrul Adabi Abdul Kadir [2], Ilhamie Bt Abdul Ghani Azmi [3]

[1] Pusat Bahasa Moden dan Sains Kemanusiaan  
Universiti Malaysia Pahang  
rashidi@siswa.um.edu.my

[2] Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan  
Akademi Pengajian Islam  
Universiti Malaya  
fakhruladabi@um.edu.my

[3] Jabatan Syariah dan Pengurusan  
Akademi Pengajian Islam  
Universiti Malaya  
mieazmi@um.edu.my

### ABSTRACT

This study was conducted to find out the relationship between Islamic values (integrity) with soft skills among students of Higher Learning Institutions in Malaysia. The sample consisted of undergraduate students in the sixth semester of their studies at the MTUN (Malaysian Technical University Network) comprising Universiti Malaysia Pahang (UMP), the Technical University of Malaysia Melaka (UTeM), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) and Universiti Malaysia Perlis (UniMAP). The respondents numbered 480 people and a questionnaire was distributed to the sample using cluster sampling techniques. Data were analyzed using the Statistical Package for the Social Sciences (SPSS) version 19.0 for the mean, standard deviation, Pearson correlation and One-Way ANOVA. The results showed that there is a moderate but significant relationship between integrity and the professional ethics and morality. Data also show that there is no significant difference in mastering professional ethics and moral among students of the Malaysian Technical University Network (MTUN). However, data show high ability in terms of mastery of soft skills (professional ethics and moral skills) and integrity. Proper attention should be given to this realm in order to further enhance the students' potential as well as to improve university performance.

---

**Keywords:** *Integrity, soft skills, Professional Ethics and Moral*

### PENGENALAN

Perubahan yang melanda dunia pada masa kini telah memberi kesan yang mendalam kepada jentera pentadbiran sesebuah negara. Impak kemajuan dalam bidang teknologi maklumat, komunikasi, pengangkutan dan perdagangan telah melancarkan lagi perhubungan antara negara Globalisasi dalam ekonomi membolehkan aktiviti pengeluaran dan pemasaran dapat dijalankan dengan cepat dan bebas. Fenomena ini meningkatkan lagi persaingan antara sesebuah negara. Cabaran persekitaran ini menuntut usaha bersepadu seluruh peringkat untuk mengurus perubahan akibat cabaran ini menjadi kritikal (Jamaluddin Hj Ahmad Damanhuri, 2005). Selaras dengan perkembangan ini, Perkhidmatan Awam Malaysia telah mengambil beberapa langkah pembaharuan dan perubahan untuk menghadapi cabaran-cabaran yang boleh memberi impak yang serius kepada kerajaan. Harapan kerajaan adalah supaya perkhidmatan awam tetap unggul hingga mencapai taraf *world class*. *World class* dalam erti kata segala perkhidmatan yang diberi oleh jabatan kepada kliennya, sama ada individu, masyarakat, pihak swasta atau sebuah jabatan kerajaan yang lain, mestilah berkualiti, cepat dan sesuai dengan kehendak klien itu sendiri.

Di Malaysia, pelbagai usaha telah dilakukan oleh pihak kerajaan bagi meningkatkan etika dan integriti perkhidmatan awam. Lebih-lebih lagi dalam pentadbiran kerajaan yang diterajui oleh mantan Yang Amat

Berhormat Perdana Menteri Dato' Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi yang meletakkan agenda dan hasrat bagi membanteras rasuah dalam pentadbiran negara dan sistem sosial masyarakat serta mewujudkan satu sistem tadbir urus yang baik (good governance) di samping mewujudkan masyarakat yang mempunyai etika dan integriti yang tinggi yang boleh dipercayai. Etika dan integriti yang kukuh dan mantap akan menjamin semua kakitangan memberi khidmat yang adil dan sempurna kepada rakyat dan pelanggan. Etika dan integriti ini akan menjadi benteng kepada berlakunya gejala rasuah, penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa (Roslan Mahmood & Nik Rosnah Wan Abdullah, 2008). Bagi mengekalkan etika dan integriti yang kukuh, pihak kerajaan telah menyampaikan penghargaan dan pengiktirafan kepada sesiapa yang telah menunjukkan pencapaian budi pekerti yang cemerlang berlandaskan kepada etika yang disetarakan oleh pihak kerajaan. Begitu juga dengan tingkahlaku yang menyeleweng serta pecah amanah mesti dijawab dengan tindakan yang tegas dan pantas. Ini memberikan mesej bahawa pihak kerajaan sangat serius untuk melaksanakan nilai etika dan integriti dalam perkhidmatan awam di Malaysia. Di antara usaha serius Yang Amat Berhormat mantan Perdana Menteri adalah mengambil langkah pro aktif dengan menubuhkan Institut Integriti Malaysia berserta dengan pelancaran Pelan Integriti Nasional pada 23 April 2004 bagi meletakkan isu etika dan integriti perkhidmatan awam sebagai sasaran utama ke arah mewujudkan pentadbiran awam, kerajaan dan negara yang mengamalkan tadbir urus yang baik, di samping mewujudkan anggota perkhidmatan awam dan masyarakat yang mempunyai tahap integriti yang tinggi. Oleh sebab Pelan Integriti Nasional mempunyai skop atau agenda yang luas, maka sasaran utama Pelan integriti Nasional telah dikenal pasti dan bagi tempoh lima tahun pertama bagi tahun 2004 hingga tahun 2008, bagi pihak kerajaan telah menetapkan lima sasaran yang hendak dicapai dan ia dikenali sebagai Tekad 2008.

Kerajaan melalui agensi perkhidmatan awam telah menetapkan set nilai yang harus dipegang oleh sesebuah organisasi seperti bersih, cekap, amanah, tekun, bertanggungjawab, menganggap kerja sebagai ibadah, mesra pelanggan dan sebagainya untuk menjadikan organisasi lebih berdisiplin dan teratur. Etika dan moral profesional merupakan asas kepada pembentukan integriti. Sifat ini mempunyai impak ke atas setiap individu khususnya mereka yang bekerja. Etika merujuk kepada himpunan nilai dan moral yang menjadi piawai bagi tingkah laku individu, organisasi dan profesion. Contoh isu etika yang sering timbul dan diperkatakan dewasa ini ialah isu rasuah, menyalahgunakan kuasa, penipuan dan sebagainya yang melibatkan pekerja am, pentadbir, pengurus, pegawai dan lain-lain. Para pekerja boleh menyedari keadaan ini berlaku apabila mereka berhadapan dengan isu etika. Hal ini akan menimbulkan soalan dalam diri "apa yang harus dan apa yang patut dilakukan. Jika diteliti dari segi pengertian integriti menurut kamus dewan membawa maksud "kejujuran atau keadaan yang sempurna dan utuh." Integriti juga adalah sebagai himpunan kualiti unggul yang wujud di kalangan individu, berteraskan kepada prinsip berpegang teguh kepada kejujuran dan amalan yang bermoral tinggi seperti memiliki sifat cekap, amanah, setia, bertanggungjawab, telus, adil dan sebagainya. Sehubungan dengan itu, maksud integriti yang dibincangkan dalam penulisan ini telah mencerminkan akhlak Islam yang berlandaskan kepada al-Quran dan Sunah iaitu kualiti unggul yang wujud secara keseluruhan kepada individu dan organisasi. Kupasan mendalam tentang tujuan dan matlamat etika banyak diperkatakan oleh Syed Muhammad Naquib Al-Atas yang merupakan ahli falsafah dan sarjana dalam bidang ini. Petikan ringkas Syed Muhammad Naquib Al-Atas 1984:

*"The purpose and end of ethics in Islam is ultimately for the individual; what the man of Islam does here he does in the way he believes to be good only because God and His Messenger say so and he trusts that his actions will find favour with God."*

Dalam konteks ajaran Islam pembangunan etika dan integriti menjurus kepada konsep akhlak seperti pendapat Imam al-Ghazali. Untuk membangunkan integriti dalam kehidupan manusia ia berkaitan dengan keperibadian yang akan melahirkan tingkah laku manusia terhadap tuhan dan manusia serta makhluk-makhluk yang lain. Pengkaji merumuskan bahawa etika penting yang perlu dimiliki oleh setiap kakitangan adalah:

- i. Kejujuran dan kebenaran  
Sifat jujur diasaskan kepada sifat junjungan besar Nabi Muhammad SAW yang digelar oleh orang Arab ketika itu sebagai al-Siddiq dan al-Amin. Amalan ini lahir daripada keyakinan dan atas dasar keikhlasan yang merupakan gambaran hati serta pemikiran yang akan mendorong kepada tindakan dan perlakuan benar.
- ii. Amanah

Amanah merupakan asas kekuatan masyarakat, kestabilan negara dan perpaduan pekerja. Peranan amanah meliputi hubungan manusia dengan tuhan dan hubungan manusia dengan manusia. Seorang pekerja yang mempunyai sifat amanah tidak akan berbohong, mengkhianati pelanggan, mengambil rasuah, menipu pelanggan dan sebagainya.

- iii. Keadilan  
Keadilan dalam memberikan perkhidmatan kepada pelanggan merupakan nilai yang mesti dimiliki oleh seorang pekerja.
- iv. Menepati janji  
Menepati janji merupakan sikap menunaikan janji apabila membuat temu janji, menyempurnakan tugas tepat pada masa yang dijanjikan.
- v. Ihsan  
Ihsan dalam pekerjaan bermaksud mengerjakan dan menyempurnakan kerja dengan sebaik yang mungkin mengikut kemampuan keilmuan, kemahiran, kreativiti, kebolehan dan kemampuan seseorang. Sebaliknya mereka tidak akan sanggup bekerja dalam keadaan cuai, alpa dan acuh tak acuh atau sambil lewa.
- vi. Istiqamah  
Seseorang yang beristiqamah bererti mempunyai integriti, keteguhan atau ketetapan hati, ketabahan dan ketekunan. Lawan kepada istiqamah ialah perasaan malas, lemah semangat dan tidak berani menanggung risiko.
- vii. Taufian  
Nilai taufian dihubungkan dengan kepuasan dan penyempurnaan dalam bekerja dan berusaha. Nilai taufian ini akan menyedarkan pekerja agar sentiasa mencari jalan penyelesaian dan rintangan dalam menyempurnakan sesuatu pekerjaan.
- viii. Berilmu dan berkemahiran  
Pekerja hendaklah sentiasa menambah dan mempertingkatkan keilmuan dan kemahiran dalam urusan yang berkaitan dengan pekerjaan. Islam sangat mementingkan ilmu pengetahuan dan kemahiran dan melarang umatnya membuat keputusan dalam keadaan jahil.
- ix. Keazaman  
Keazaman merujuk kepada kemahuan untuk terus maju dalam bidang yang diceburi. Pekerja yang berjaya adalah pekerja yang sentiasa mendambakan kejayaan dan tidak mudah patah semangat (Buerah Tunggak & Hussin Salamon, 2011).

Pengabaian dari aspek pembangunan manusia dan pemantapan nilai-nilai dalam falsafah pembangunan barat menyebabkan berlakunya kegagalan dalam pembangunan fizikal akibat peniruan model pembangunan barat dalam dunia Islam. Walaupun pemodenan dan pembangunan telah menghasilkan kehidupan material yang lebih baik kepada beberapa golongan tetapi selalunya diiringi oleh gangguan sosial (Fariza Md Sham, 2005). Kritikan paling tajam terhadap kegagalan pengurusan barat daripada aspek nilai pernah dikemukakan oleh James L. Gibsons dalam membuat rumusan terhadap pendapat Anthony Downs yang menyatakan pentadbir atau pengurus organisasi adalah diragui, tidak boleh dipercayai, hasad dengki, tidak beramanah, berfikiran sempit, tidak mengambil peduli, tidak matang, tidak dapat bertolak ansur dalam perbezaan pendapat, tidak boleh berkomunikasi dengan mendalam dengan rakan-rakan dan tidak berpandangan jauh. Secara ringkas dikatakan pentadbir dan pengurus pada waktu itu adalah manusia yang kewibawaan dan moral mereka dipersoalkan secara serius (Ahmad Atory Hussain, 1990). Melihat kepada kegagalan pengurusan barat ini, dari satu sudut dapat diperhatikan bahawa pihak kerajaan semakin giat meningkatkan usaha-usaha bagi meningkatkan integriti, nilai, etika, moral, kepimpinan di kalangan penjawat awam. Dalam tempoh lebih kurang 55 tahun yang lepas, pelbagai usaha secara berpusat telah dilaksanakan atau dilakukan oleh pihak kerajaan bagi meningkatkan integriti, nilai, moral dalam kalangan pekerja perkhidmatan awam. Di antaranya ialah:

- i. Penubuhan institusi atau agensi yang bertujuan bagi memudahkan pelaksanaan tanggungjawab sama ada sebagai kawal selia, penguat kuasa dan penyelarasan atau koordinasi seperti Perbendaharaan, Jabatan Audit Negara, Suruhanjaya perkhidmatan Awam (SPA), Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia (SPRM) dan Institut Integriti Malaysia (IIM).

- ii. Penubuhan Jawatankuasa Khas bagi melaksanakan tanggungjawab secara kolektif dan bersepadu ke arah peningkatan integriti perkhidmatan awam seperti Jawatankuasa Khas Kabinet mengenai Keutuhan Pengurusan Kerajaan (JKKMKPK) .
- iii. Penggubalan undang-undang bagi memudahkan penguatkuasaan atau pengawalan seperti Akta Pencegahan Rasuah, Akta Akuan Berkanun, Akta Rahsia Rasmi dan sebagainya.
- iv. Penganjuran program latihan bagi meningkatkan pemahaman anggota perkhidmatan awam mengenai etika, moral dan integriti.
- v. Penganjuran seminar, bengkel dan persidangan bagi membincangkan isu ini secara menyeluruh di kalangan agensi-agensi kerajaan seperti seminar nilai dan etika dan sebagainya.

Nilai-nilai dan etika dalam Perkhidmatan Awam pada hakikatnya diambil daripada inti sari pegangan iman masyarakat Muslim yang mengawal kehidupan masyarakat itu. Sumber iman ini terdapat di dalam agama, pendidikan, keluarga dan persekitaran yang merupakan budaya masyarakat setempat. Nilai-nilai etika ini dapat dilihat dari etika yang sering disebut dan diwar-warkan oleh pemimpin negara. Nilai integriti dan etika ini mempunyai kepentingannya yang tersendiri di antaranya ialah:

- i. Integriti dan etika menentukan arah dan memberikan makna kepada pemikiran, tindakan dan tingkah laku semua manusia.
- ii. Integriti dan etika memberi penyatuan dan penyelarasan di antara pekerja dan seterusnya memberi sumbangan kepada tamadun masyarakat.
- iii. Nilai etika ini merupakan ukur tara kepada perlakuan mutlak bagi mendorong pekerja berkhidmat dengan ikhlas dan berkesan.

Melalui unsur agama dan kebijaksanaan cendekiawan dalam masyarakat, manusia mendapati bahawa ada nilai-nilai etika yang merupakan sifat perilaku manusia. Nilai-nilai etika ini menjadi ukuran utama kemuliaan tingkah laku di antara manusia dengan manusia yang lain. (Nilai dan Etika Dalam Perkhidmatan Awam, 1991). Seterusnya kerajaan telah melancarkan dasar penerapan nilai-nilai Islam pada tahun 1985. Dasar penerapan ini telah mengetengahkan nilai-nilai Islam yang dapat diterima oleh segenap lapisan masyarakat, kaum di Malaysia.

## LATAR BELAKANG KAJIAN


Dalam konteks Malaysia, pembangunan modal insan merupakan unjuran ke arah pembangunan keinsanan yang holistik, sama ada dari segi pembangunan ekonomi, sosial mahupun pendidikan sejajar dengan wawasan 2020. Pembangunan modal insan dilihat sebagai modal yang penting untuk pengisian pembangunan negara sama ada dari segi kuantiti dan kualiti. Mantan Perdana Menteri, Tun Abdullah Ahmad Badawi pernah menjelaskan kepentingan seperti berikut:

Sekiranya kita ingin melangkah ke era ekonomi berpaksikan pengetahuan, jika kita mahu menjadi negara maju dan kekal pada tahap tersebut, pembangunan modal insan harus diutamakan. Dalam konteks dunia global, modal insan bermutu tinggi adalah satu keperluan, bukan lagi satu kemewahan.

(Utusan Malaysia, 1 April 2006)

Bagi membentuk modal insan yang berkualiti, pembangunan yang dijana hendaklah ke arah berpegang kepada nilai jati diri yang teguh. Penghayatan kepada nilai ini menjurus kepada pembangunan keinsanan yang bersifat sejabat. Pendidikan dan penyebaran ilmu wajar dikembangkan bagi menghasilkan modal insan yang berkualiti dan seimbang. Modal insan yang berkualiti dan seimbang perlu digerakkan secara produktif dan proses pendidikan dan pengembangan ilmu perlu dijalankan secara berterusan dalam usaha ke arah pembangunan organisasi. Pembentukan modal insan perlu berfokuskan kepada melahirkan individu yang seimbang dan harmoni dalam pelbagai aspek iaitu meliputi aspek intelek, rohani, emosi dan jasmani. Seimbang di sini adalah individu yang tidak melampaui batas dan tidak mengutamakan satu aspek sehingga mengabaikan aspek yang lain. Namun begitu, keseimbangan dan keharmonian dalam keempat-empat aspek berkenaan tidak sempurna melainkan hanya didasari oleh ketaatan dan kepatuhan kepada Tuhan (A.B Aziz Yusof, 2009). Sebagai asas kepada pembentukan modal insan yang sempurna etika dan nilai-nilai keinsanan tidak boleh diabaikan sama sekali. Apa guna sekiranya pembangunan fizikal telah mencapai tahap tertinggi tetapi modal

insannya jauh tertinggal dengan kerapuhan akhlak. Kerangka pembangunan *soft skills* menurut acuan Kementerian Pengajian Tinggi dapat diperincikan seperti rajah di bawah.



Rajah 1.1: Kerangka Pembangunan *soft skills*

Pembangunan tenaga manusia haruslah menjadi satu keperluan asas bagi mewujudkan perkhidmatan awam bertaraf dunia. Tanpa diiringi dengan iman, akan menyukarkan bagi pekerja untuk menyediakan perkhidmatan yang terbaik serta menggubal dan melaksanakan dasar. Perkhidmatan yang kaya dengan pengetahuan dan kemahiran serta keimanan akan menjadi lebih relevan dan penting dalam era masyarakat berasaskan ilmu iaitu *knowledge based society*. Dalam era ini, maklumat dan ilmu sentiasa bertambah.

Pengetahuan yang relevan dan berguna bagi satu ketika cepat menjadi lapuk. Masyarakat umum juga lebih berpengetahuan dan canggih kerana mereka mendapat pendedahan kepada maklumat terkini menerusi pelbagai saluran, termasuk internet dan media asing. Sehubungan dengan itu, dalam menuju wawasan 2020 ke arah negara maju, pembangunan tenaga manusia perlu diutamakan. Di samping, tidak mengabaikan aspek pembangunan fizikal. Pembangunan manusia sangat penting kerana manusialah yang akan menggerakkan pembangunan fizikal. Jika ada rakyat yang bermutu dan berkualiti serta beriman akan menentukan kepimpinan yang efektif dan berkesan.

Kerajaan Malaysia telah berusaha membangunkan modal insan yang mempunyai pengetahuan dan kemahiran serta menghayati nilai-nilai murni yang tinggi. Pendekatan kepada pembangunan modal insan haruslah secara holistik, menekankan pembangunan ilmu pengetahuan, kemahiran, modal intelektual termasuk ilmu sains, teknologi dan keusahawanan dan juga pembudayaan sikap progresif serta nilai etika yang tinggi. Matlamat kerajaan Malaysia adalah untuk memupuk semangat menguasai ilmu pengetahuan, kemahiran dan kompetensi, menerapkan nilai, moral dan sikap positif serta membina disiplin diri di kalangan pelajar (Nur Aqielah Umairah, 2009). Dalam pendekatan untuk membentuk dan melahirkan pelajar dan manusia yang berwibawa, aspek perubahan dan pembangunan insan membawa kepada ketamadunan hendaklah berlandaskan sistem nilai yang baik dan bermanfaat (Titah Ucapan D.Y.M.M. Tuanku Permaisuri Raja Perlis Di Majlis Pelancaran PALAPES, PBSMM dan PBK Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia 3 Mac 2005). Bagi menzahirkan matlamat tersebut, cabaran utama ialah menyemai nilai-nilai yang akan menghasilkan perwatakan pelajar yang unggul, kerana pelajar ini akan mewarisi kepimpinan akan datang. Menyedari bahawa perancangan untuk melahirkan generasi dengan sifat keunggulan adalah menjadi tanggungjawab yang berat, usaha ini harus dilakukan secara berterusan dengan penggabungan tenaga dan komitmen jitu daripada semua pihak terutamanya Institusi Pendidikan yang mendidik pelajar secara formal. Pelajar merupakan aset penting pada pembangunan negara pada masa hadapan. Kepimpinan yang berintegriti merupakan tunggak kepada kestabilan negara. Unsur-unsur beretika, berintegriti dan bertanggungjawab ini dapat diterapkan melalui penganjuran program-program yang berkaitan dengan usaha untuk meningkatkan pengetahuan, kefahaman dan kesedaran (Mohamad Hashim Hj Omar, 2005). Kesedaran dan penghayatan perubahan berkualiti serta keperibadian yang unggul ini perlu bermula di Institusi Pendidikan, kumpulan pemikir dan ahli akademik telah melakukan inisiatif ke arah mereformasi pendidikan di Malaysia secara menyeluruh dan bersistematik seperti penggubalan Falsafah Pendidikan Negara serta lima akta baru yang berkaitan dengan pendidikan tinggi termasuklah Akta Pendidikan 1996, yang menjadi teras bagi setiap usaha pembangunan bidang pendidikan (Sufean Hussin et al., 2008).

Setiap modal insan perlu mempunyai akhlak yang mulia dalam usaha untuk membangunkan organisasi. Kemuliaan akhlak akan membolehkan mereka mendapat manfaat yang maksimum dari sumber-sumber yang terdapat dalam organisasi. Keprihatinan terhadap aspek-aspek dalaman telah mula mendapat tempat dalam organisasi terutama dalam kalangan pengamal kerja sosial, ahli akademik dan pekerja yang ingin mencapai kecemerlangan dalam tugas yang telah diamanahkan. Seterusnya penghayatan terhadap nilai-nilai Islam akan memastikan organisasi bebas dari unsur-unsur negatif. Pendekatan pemantapan nilai etika dan integriti dapat diteruskan melalui institusi keluarga. Institusi keluarga merupakan pemangkin kepada pengukuhan budaya dan nilai integriti dalam diri anak-anak dan perlu dilaksanakan daripada peringkat awal proses pembesaran lagi. Ini kerana institusi keluarga adalah tunjang kepada pemeraksanaan nilai positif, manakala agensi seperti Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia (SPRM) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) bertindak sebagai penguatkuasa undang-undang dan peraturan (Utusan Malaysia 28 Ogos 2011).

## **PERNYATAAN MASALAH**

Hari ini dunia menyaksikan peminggiran nilai-nilai sejagat yang tidak lagi dijadikan amalan kehidupan seharian. Di mana-mana sahaja terdapat persengketaan dan konflik yang menggugat keamanan dunia. Peperangan, perebutan kuasa, jenayah terancang, aktiviti sosial yang keterlaluan seperti hiburan yang melampaui batas, penjualan bahan-bahan lucah yang terbuka telah meruntuhkan dan mengikis nilai-nilai akhlak pada masa kini. Di Malaysia contohnya, keruntuhan nilai-nilai akhlak dan nilai kemanusiaan dalam membentuk modal insan yang bermoral telah menyumbang kepada salah laku dan jenayah yang serius. Penglibatan golongan remaja dalam kes jenayah meningkat mendadak pada tahun 2006 apabila jumlahnya mencecah 5,000 orang berbanding kurang 4,000 orang dari tahun 2001 hingga 2005 (SAC 1 Dr Hj Ab Rahman Hj Ismail, 2008). Pada tahun 2007, statistik Polis Diraja Malaysia telah memperlihatkan peningkatan jumlah indeks

jenayah yang tinggi, sekitar 209,559 kes jenayah telah dilaporkan. Antara kes jenayah serius yang dilaporkan adalah seperti bunuh sebanyak 588 kes, rogol 3,177 kes, kecederaan 6,806 kes, kecurian 140,802 kes, samun 24,587 kes dan pecah rumah sebanyak 33,599 kes. Begitu juga laporan kes salah laku penguat kuasa, telah memperlihatkan peningkatan dari 18 kes pada tahun 2011 kepada 288 kes hingga 16 November 2012 (*THE STAR*, Jumaat 23 November 2012).

Senario yang berlaku begitu membimbangkan kepada semua pihak. Tambahan pula, jika kes jenayah begini melibatkan golongan kolar putih atau profesional yang mana mereka menjalankan operasi kewangan, undang-undang, pentadbir, penggubal polisi dan sebagainya yang berisiko untuk menyalah guna kuasa dan menerima rasuah (Teks Ucapan Naib Canselor UTeM, "*Sempena Seminar Kebangsaan Kemahiran Insaniah dan Kesejahteraan Sosial (SKIKS) 2008*"(18-19 Ogos di Hotel Mahkota Melaka). Begitu juga, jenayah siber seperti pengubahsuaian program, pencurian maklumat, pengintipan, perjudian internet, skim cepat kaya, penyebaran virus dan pornografi yang kian serius berlaku di Malaysia. Malah, lebih menakutkan dan membimbangkan ialah penjenayah siber ini mungkin terdiri dari golongan yang berpengetahuan profesional, graduan universiti dan sebagainya. Dapatan kajian menunjukkan bahawa penuntut di pengajian tinggi juga cenderung bersikap toleran terhadap tingkah laku devian di tempat kerja (Sabitha Marican, 2008). Apabila kes ini berlaku, sudah tentu modal insan dan anak bangsa sendiri yang akan menanggung kerugian. Oleh kerana itu, aspek modal manusia seperti sikap, sahsiah dan nilai menjadi semakin penting berikutan berlakunya jenayah-jenayah yang sangat serius (Ahmad Mohamad Said, 2007) seperti yang telah dinyatakan dan pembangunan ini akan terjejas sekiranya generasi belia terus dilanda dengan krisis moral dan nilai.

Justeru itu, untuk menangkis gelombang budaya yang tidak bermoral dan berakhlak ini, sesuatu perlu dilakukan untuk memastikan pembentukan modal insan yang bersih dan murni dapat dijana. Selari dengan permasalahan di atas, tanggungjawab universiti semakin luas untuk memastikan graduan yang dilahirkan mencapai modal insan kelas pertama sejajar dengan pembentukan akhlak dan moral yang tinggi (Ahmad Mohamad Said, 2007). Demi menyelamatkan bangsa dan negara marilah kita memperkukuhkan amalan, prinsip berteraskan agama yang mendidik ke jalan yang luhur (Wan Azmi Ramli, 1998). Dalam konteks pembangunan negara, telah wujud konsep yang diketengahkan oleh pemimpin negara untuk menjelaskan betapa pentingnya sesebuah bangsa dan tamadun mempersiapkan diri dengan modal insan yang berkualiti dan mampu merentasi segala cabaran globalisasi. Asas kepada banyak masalah yang terdapat dalam masyarakat adalah rasuah, pecah amanah, memandu secara tidak beretika, penderaan kanak-kanak dan pelbagai lagi tindakan yang melanggar undang-undang dan peraturan. Segala-galanya berpunca daripada etika dan integriti individu yang kurang mantap. Hakikatnya permasalahan sebegini melibatkan soal mengkhianati amanah dan kepercayaan terhadap negara dan rakyat sehingga mengakibatkan kerugian kepada negara, bangsa dan agama.

Kerajaan menerusi Pelan Integriti Nasional dan penubuhan Institut Integriti Malaysia pada tahun 2004 bertujuan untuk memerangi gejala rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa secara berkesan. Integriti tidak bernilai sekiranya masyarakat telah menolak nilai dalam kehidupannya serta kekayaan sebagai penanda aras kehidupannya. Dalam perkara yang melibatkan etika dan moral seorang pemimpin adalah wajar pemimpin tersebut mengundurkan diri tanpa melibatkan Perdana Menteri membuat keputusan menggugurkan jawatan tersebut. Oleh yang demikian pemimpin yang beretika, bermoral, berintegriti sangatlah penting dalam memacu kepada pembangunan negara dan rakyatnya. Malahan peranan pemimpin untuk meningkatkan kemajuan rakyat bukan hanya tertumpu kepada bidang fizikal semata-mata tetapi yang lebih pentingnya adalah membangun moral, budi pekerti serta kerohanian rakyat. Penampilan seseorang pemimpin mempunyai pengaruh ke atas keberkesanan dakwahnya (Abdullah Hassan dan Ainon Mohd, 2005). Pemimpin juga bertanggungjawab memahami misinya, menetapkan objektif dan mengukur prestasi kerja, lalu mengambil inisiatif bertindak secara wajar untuk mencapai tujuannya (Ismail Noor, 2004). Pemupukan nilai murni, moral dan etika ini hendaklah disemai sejak kecil lagi agar ia berakar umbi apabila dewasa dan seterusnya dapat menghayati apa yang telah menjadi pegangannya dengan baik dan sempurna. Di Malaysia, berbagai usaha telah dilakukan oleh pihak kerajaan bagi meningkatkan etika, moral, kepimpinan, perhubungan yang baik dan harmonis sesama rakan sejawat serta integriti penjawat awam, namun prestasi integriti anggota perkhidmatan awam masih belum memuaskan kerana masih terdapat kelakuan yang menyimpang atau tingkah laku yang tidak beretika seperti rasuah, penyelewengan, penyalahgunaan kuasa dan ketidakcekapan pentadbiran atau pengurusan serta kelemahan sistem penyampaian kerajaan yang ditonjolkan oleh segelintir anggota perkhidmatan awam (Roslan Mahmood dan Mohamad Zamri Mohd Shaafik, 2008).

Institusi Pengajian Tinggi di Malaysia mengorak langkah untuk melaksanakan revolusi pendidikan dalam usaha memantapkan dan memperkasa pembangunan modal insan secara holistik demi kemakmuran dan kehendak pasaran (Roslan Mahmood dan Mohamad Zamri Mohd Shaafik, 2008). Tujuh elemen kemahiran insaniah yang telah dikenal pasti untuk dilaksanakan adalah kemahiran berkomunikasi, pemikiran kritis dan menyelesaikan masalah, kemahiran kerja berpasukan, pembelajaran berterusan dan pengurusan maklumat, kemahiran keusahawanan, kemahiran kepimpinan dan etika dan moral profesional. Kemahiran-kemahiran tersebut perlu dikuasai dan perlu mencapai standard yang digariskan oleh pihak-pihak tertentu. Kemahiran tersebut tidak bermakna untuk dikuasai sekiranya kemahiran etika dan moral profesional diabaikan kerana sifat jujur dan amanah dalam diri seorang pemimpin dapat menjamin autoriti dan sumber yang diamanahkan selamat daripada penyalahgunaan dan penyelewengan. Skop pengajaran ini telah menggariskan penerapan kemahiran insaniah berasaskan aktiviti normal pengajaran dan pembelajaran yang merangkumi model terapan dan modal mata pelajaran sendiri pembangunan kemahiran insaniah yang diterapkan berasaskan program sokongan yang berfokuskan akademik dan bukan akademik yang mampu menjadi landasan berpotensi penyumbang dan meningkatkan kualiti dan kredibiliti graduan yang dihasilkan (Mohamad Zaid Mustafa dan Syed Ismail Syed Mustafa., 2010).

### OBJEKTIF KAJIAN

Berdasarkan kepada pernyataan masalah yang telah dibentangkan, adalah menjadi matlamat utama kajian ini untuk mengenal pasti hubungan akhlak Islam dengan kemahiran etika dan moral profesional di kalangan pelajar di Institusi Pengajian Tinggi. Secara lebih terperinci, objektif-objektif khusus kajian ini ialah:

1. Mengetahui tahap penguasaan kemahiran etika dan moral profesional dalam kalangan pelajar di Institusi Pengajian Tinggi di Malaysia.
2. Mengetahui tahap penguasaan nilai amanah dalam kalangan pelajar Institusi Pengajian Tinggi
3. Mengetahui hubungan nilai amanah dengan kemahiran etika dan moral profesional.
4. Mengetahui apakah terdapat perbezaan penguasaan kemahiran etika dan moral profesional dalam kalangan pelajar di Institusi Pengajian Tinggi yang berlainan bidang pengajian.

### REKA BENTUK KAJIAN

Penyelidikan ini merupakan kajian deskriptif bersifat tinjauan, di mana kajian yang digunakan adalah kajian kuantitatif dengan tujuan untuk mengkaji hubungan akhlak Islām (amanah) dengan etika dan moral profesional berasaskan kepada Model Kementerian Pengajian Tinggi 2006 yang menggariskan tujuh kemahiran asas yang perlu dikuasai (KIM) dan kemahiran insaniah tambahan (KIT).


### SKOP KAJIAN

Kajian ini hanya dijalankan di Semenanjung Malaysia dan sebanyak empat buah institusi pengajian tinggi yang terlibat iaitu Universiti Malaysia Pahang (UMP), Universiti Teknikal Melaka (UTeM), Universiti Tun Hussein Onn (UTHM) dan Universiti Malaysia Perlis (UniMAP). Pemilihan ini dibuat secara rawak kerana dipercayai bahawa institusi pengajian tinggi ini adalah setaraf untuk tujuan kajian. Setelah membuat tinjauan, Institusi Pengajian Tinggi ini dipercayai mempunyai matlamat dan objektif yang sama, cuma berbeza dari segi pengurusan dan pendekatan oleh pihak universiti terhadap program kemahiran insaniah. Kajian ini telah menyenaraikan beberapa institusi pengajian tinggi awam dan swasta seperti di atas. Sementara Responden terdiri dari Pelajar ijazah pertama dan Ketua unit / program kemahiran insaniah di institusi masing-masing. Kemahiran Insaniah. Seterusnya tujuh elemen yang digariskan oleh Kementerian Pengajian Tinggi namun dalam penyelidikan ini hanya satu elemen yang diberi perhatian khusus iaitu kemahiran etika dan moral profesional.

### KERANGKA TEORI

Pembentukan kerangka kajian dapat membantu penyelidik dalam meramalkan hubungan di antara angkuabah yang membolehkan penyelidik memahami situasi fenomena di dalam kajian yang dijalankan. Dalam membentuk kerangka teori ini, penyelidik berpandu dan berasaskan kepada model Kementerian Pengajian Tinggi 2006.





Rajah 1.2 :Kerangka Konsep

#### KAEDAH ANALISIS DATA

Data dianalisis secara kuantitatif dengan menggunakan analisis program “Statistical Package For Social Sciences” (SPSS versi 19.0) bagi menjawab semua persoalan penyelidikan yang dinyatakan. Kaedah analisis secara terperinci dapat dihuraikan melalui jadual di bawah.

Jadual 1 : Persoalan kajian dan kaedah analisis data

Bil	Persoalan kajian	Kaedah Analisis Data
1	Apakah tahap penguasaan kemahiran insaniah di kalangan pelajar Institusi Pengajian Tinggi di Malaysia?	Analisis statistik deskriptif (min, sisihan piawai dan min keseluruhan)
2	Mengenal pasti tahap penguasaan nilai amanah dalam kalangan pelajar Institusi Pengajian Tinggi	Analisis statistik deskriptif (min, sisihan piawai dan min keseluruhan)
3	Mengenal pasti hubungan nilai amanah dengan kemahiran etika dan moral profesional.	Analisis statistik inferensi (Korelasi Pearson)
4	Mengenal pasti apakah terdapat perbezaan penguasaan kemahiran etika dan moral profesional dalam kalangan pelajar di Institusi Pengajian Tinggi yang berlainan bidang pengajian.	Analisis statistik inferensi (ANOVA satu hala)

#### DAPATAN KAJIAN

Berikut adalah dapatan kajian hasil daripada analisis yang telah dibuat oleh penyelidik menggunakan perisian “Statistical Package For Social Sciences” (SPSS versi 19.0).

**DAPATAN KAJIAN PERSOALAN PERTAMA**

Jadual 2: Statistik deskriptif bagi etika dan moral profesional

Bil	Item	Min	SP	Interpretasi
B1	Mempercayai bahawa amalan rasuah memberi kesan yang buruk kepada ekonomi negara	4.54	.649	Tinggi
B2	Percaya bahawa lemahnya pemantauan dalam amalan profesional akan memberi impak yang buruk kepada alam sekitar	4.53	.638	Tinggi
B3	Percaya bahawa sikap mengejar keuntungan akan menyebabkan pengabaian terhadap alam sekitar	4.43	.729	Tinggi
B4	Percaya bahawa nilai luar yang tidak sesuai dengan nilai tempatan tidak seharusnya diamalkan	4.38	.702	Tinggi
B5	Percaya bahawa menyeimbangkan di antara aktiviti profesional dan kebajikan sosial adalah penting bagi menjamin keseimbangan masyarakat	4.48	.654	Tinggi
B6	Mempercayai bahawa ekonomi menjadi keperluan masyarakat bagi menjalani kehidupan yang lebih baik	4.42	.738	Tinggi
B7	Usaha melalui ekonomi tidak sepatutnya menggadaikan alam sekitar	4.44	.674	Tinggi
B8	Percaya bahawa nilai tempatan mempunyai nilai yang positif dalam menjaga alam sekitar dengan baik	4.35	.697	Tinggi
B9	Patuh pada nilai budaya tempatan akan memberi jaminan kepada keseimbangan di antara ekonomi dan alam sekitar	4.22	.807	Tinggi
B10	Memberi keutamaan kepada penjagaan alam sekitar daripada kepentingan peribadi	4.33	.741	Tinggi
<b>Keseluruhan</b>		<b>4.40</b>		<b>Tinggi</b>

Jadual di atas menunjukkan nilai min keseluruhan penguasaan pelajar terhadap kemahiran etika dan moral profesional yang berada pada tahap tinggi ( $M= 4.40$ ). Begitu juga kesemua item yang terkandung di dalam penguasaan kemahiran etika dan moral profesional berada pada tahap yang tinggi. Namun demikian, item yang mendapat skor min yang paling tinggi iaitu: B1 "Mempercayai bahawa amalan rasuah memberi kesan yang buruk kepada ekonomi negara" ( $M= 4.54$ ,  $SP= .649$ ). Hal ini membuktikan, pelajar mengetahui bahawa amalan rasuah perlu dihapuskan untuk kesejahteraan ekonomi negara. Diikuti skor min yang kedua tertinggi iaitu: B02 "Percaya bahawa lemahnya pemantauan dalam amalan profesional akan memberi impak yang buruk kepada alam sekitar" ( $M=4.53$ ,  $SP=.638$ ). Nilai skor min yang paling rendah iaitu: B09 "Patuh bahawa nilai budaya tempatan akan memberi jaminan kepada keseimbangan di antara ekonomi dan alam sekitar" ( $M=4.22$ ,  $SP=.807$ ). Secara keseluruhannya penguasaan kemahiran etika dan moral profesional pelajar berada pada tahap yang tinggi.

**DAPATAN KAJIAN PERSOALAN KEDUA**

Rajah 1.3 Statistik Deskriptif Nilai Amanah

Item	N	Min	SP	Interpretasi
C1	480	4.06	.870	Tinggi
C2	480	4.17	.769	Tinggi
C3	480	4.25	.740	Tinggi
C4	480	4.29	.716	Tinggi
C5	480	4.19	.726	Tinggi
C6	480	4.20	.722	Tinggi
C7	480	4.29	.732	Tinggi
C8	480	4.24	.765	Tinggi

C9	480	4.20	.749	<b>Tinggi</b>
C10	480	4.28	.740	<b>Tinggi</b>
Valid (listwise)	N480			

Rajah 1.3 atas menunjukkan tahap penguasaan nilai amanah yang terdiri dari sepuluh item yang diberikan untuk dijawab oleh pelajar. Item C4 iaitu "Menyelesaikan tugas yang diamanahkan dalam tempoh yang ditetapkan" mempunyai nilai min yang tinggi iaitu 4.29. Begitu juga dengan item C7 iaitu "Menghadiri kelas tepat pada masanya" mendapat nilai min yang sama iaitu 4.29. Secara keseluruhannya tahap penguasaan nilai amanah pelajar berada pada tahap yang tinggi.

#### APATAN KAJIAN PERSOALAN KETIGA

Rajah 1.4: Hubungan EMP dengan nilai amanah

		Etika	Amanah
Etika	Pearson Correlation	1	.627**
	Sig. (2-tailed)		.000
	N	480	480
Amanah	Pearson Correlation	.627**	1
	Sig. (2-tailed)	.000	
	N	480	480

Rajah 1.4 menunjukkan hasil keputusan analisis bagi Korelasi Pearson yang mengukur hubungan di antara etika dan moral profesional dengan nilai amanah. Berdasarkan jadual tersebut, dapat dilihat bahawa nilai pekali ( $r = .627$ ,  $p < .05$ ) jelas menunjukkan perhubungan yang sederhana kuat yang signifikan antara penguasaan etika dan moral profesional dengan nilai amanah. Oleh yang demikian, hipotesis null ( $H_0$ ) yang menyatakan tiada hubungan yang signifikan antara penguasaan etika dan moral profesional dengan nilai amanah ditolak.

#### DAPATAN KAJIAN PERSOALAN KEEMPAT

Rajah 1.5: Perbezaan EMP dalam kalangan pelajar berlainan universiti

	Sum of Squares	Df	Mean Square	F	Sig.
Between Groups	3.861	3	1.287	3.690	.012
Within Groups	166.042	476	.349		
Total	169.904	479			

Keputusan ujian ANOVA sehala yang diperolehi dari jadual 10.4 menunjukkan bahawa nilai  $F$  ( $df=3, 476$ ,  $P > .05$ ) = 3.690 adalah tidak signifikan. Hipotesis alternatif ditolak, maka keputusan ujian ANOVA menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara penguasaan etika dan moral profesional dalam kalangan pelajar berlainan universiti. Oleh yang demikian, hipotesis alternatif ( $H_a$ ) telah ditolak.

#### IMPLIKASI KAJIAN

Pembangunan sumber manusia adalah pemerkasaan insan sebagai individu kepada pembangunan dan sebagai komuniti. Pembangunan insan merujuk kepada memperkasakan insan itu sendiri dengan nilai-nilai dalaman. Bagaimana untuk menjadikan insan itu perkasa? Dalam usaha pembangunan, aset merupakan faktor yang penting untuk memastikan kelangsungan pembangunan. Walau bagaimanapun, itu semua tidak memadai sekiranya tidak diperkukuhkan dengan nilai etika dalam manusia itu terlebih dahulu.

Pembentukan nilai murni etika dan integriti dalam diri individu pelajar dan dalam perkhidmatan awam di Malaysia memerlukan kegigihan dan keikhlasan semua pihak, ketua mahupun orang bawahan. Justeru itu,

pembentukan para pelajar dan pekerja yang berkualiti berasaskan nilai Islam adalah amat penting dalam proses peningkatan tahap kemajuan sesebuah negara. Pekerja yang berkualiti dianggap sebagai salah satu prasyarat bagi sesebuah negara mencapai pembangunan yang berkekalan. Dalam konteks Malaysia, usaha-usaha ke arah mewujudkan sebuah perkhidmatan awam yang benar-benar mempunyai keterampilan dan wibawa bergantung pada peribadi anggotanya yang berpegang teguh kepada nilai Islam dan al-Quran. Sesebuah organisasi perlu mempersiapkan pekerja yang berkualiti tinggi yang mempunyai keperibadian yang terulung untuk menghasilkan perkhidmatan kelas pertama. Hubungan antara pekerja yang berkualiti dan output yang berkualiti telah disimpulkan dengan tepat sekali dalam ungkapan "*Quality good/service begins with a quality man*". Tan Sri Dato' Seri Ahmad Sarji, ketua Setiausaha Negara ketika itu menyatakan: "*We must build people first before product or services*".

Penerapan etika dan integriti yang baik terbukti telah dapat menyumbang kepada kecemerlangan bangsa dan negara, begitu juga sebaliknya. Kemusnahan sesuatu bangsa atau negara adalah berpunca daripada kerapuhan akhlak para pentadbir, penguasa dan pekerja bawahan. Runtuhnya tamadun Islam di Andalusia, India dan Turki selama ratusan tahun berpunca daripada golongan penguasa yang mementingkan kemewahan sehingga meninggalkan nilai-nilai kemanusiaan. Kejatuhan Kerajaan Melaka selepas kematian Tun Perak antara lain disebabkan oleh kemerosotan akhlak pegawai-pegawai. Sultan Mahmud, yang menggantikan ayahandanya Sultan Alauddin Riayat Shah adalah seorang raja yang zalim, suka berfoya-foya, tidak menghiraukan ilmu agama, tidak adil dan tidak bertimbang rasa. Contoh di atas memperlihatkan bagaimana nilai dan etika memainkan peranan yang kritikal dalam menentukan kecemerlangan tamadun sesuatu bangsa dan negara. Dalam konteks organisasi, akan meningkatkan produktiviti organisasi kerana memiliki modal insan yang tinggi. Proses pembentukan sumber manusia ke arah berkualiti seharusnya bermula sejak manusia itu dilahirkan atau lebih awal semenjak dalam kandungan lagi dan berlaku secara berterusan. Maknanya di sini proses pembentukan modal insan atau sumber manusia yang berkualiti seharusnya bermula sejak awal berterusan iaitu sepanjang hayat dan perlu seimbang dengan pembangunan fizikal.

## KESIMPULAN

Kesimpulannya, pendidikan etika dan moral perlu dilaksanakan berdasarkan kepada beberapa faktor seperti mengambil kira pengaruh globalisasi yang memberi impak kepada kawal selia dan tadbir urus institusi, skandal korporat yang berlaku memberi impak yang besar kepada imej dan reputasi organisasi, anjakan peranan dan tanggungjawab institusi kerajaan yang memberi kuasa yang lebih kepada pengurusan organisasi sektor awam dan kesedaran kepada pembangunan masyarakat sivil yang menekankan kepada peningkatan moral dan integriti dalam sistem masyarakat. Dalam konteks ini, kemahiran tentang etika dan moral profesional boleh dilatih atau diajar melalui kaedah secara formal atau secara informal dan ianya merupakan salah satu kaedah yang berkesan bagi memberi pendedahan kepada pelajar atau pekerja mengenai kepentingan etika dan moral serta isu-isu berkenaan etika dan moral. Modul-modul kursus harus dikaji semula, diperhalusi dan dirombak sekiranya perlu bagi melengkapkan set nilai yang berkualiti kepada individu. Pembelajaran sepanjang hayat harus digalakkan kerana sesuatu ilmu itu tidak pernah habis dan melibatkan pelbagai disiplin yang wajar dikuasai agar matlamat untuk membangunkan modal insan ke arah etika hidup dapat direalisasikan.

## RUJUKAN

Ahmad Iman Arief. (2009). *Etika Kehidupan Di Malaysia*. Kuala Lumpur: Sabunai Media Sdn. Bhd.

Ahmad Atory Hussain. (1990). *Pentadbiran Awam. Asas Pemikiran Dan Falsafah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.

Ahmad Atory Hussain. (1998). *Reformasi Pentadbiran Di Malaysia*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.

Azhar Hj Wahid. (2009). *Pendidikan Pembangunan Modal Insan*. Tanjong Malim Perak: Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Che Su Mustaffa & Zulkefli Udin (2006). *Kepelbagaian Isu Dalam Pentadbiran Dan Pembangunan Di Malaysia*. Sintok Kedah: Universiti Utara Malaysia.

Debbie, B., Dana, S. & Ken, S (2008). *Integrating Soft Skills Assessment Through University, College and Programmatic Efforts at an AACSB Accredited Institution*. Journal of Information Systems Education, 19, 229-240.

Fadzila Azni Ahmad (2010). *Kaedah Pengurusan Institusi-Institusi Pembangunan Berteraskan Islam di Malaysia*. Selangor: Pusat Penerbitan Universiti (UPENA) UiTM Shah Alam.

Louis, P. (2006). *Ethics Discovering Right And Wrong*. Thomson Wadsworth : Cambridge University.

Jennifer gunning & Soren Holm (2007). *Ethics, Law and Society*. England: Ashgate Publishing Limited.

Julian Baggini & Peter S. Fosl (2007). *The Ethics toolkit A Compendium Of Ethical Concepts And Moral*. UK: Blackwell Publishing.

Jurnal Pengurusan Awam , Jabatan Perkhidmatan Awam. Jilid 6 Bil 2. ISSN 1675-3720.

Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (2006). *Modul Pembangunan Kemahiran Insaniah (soft skills) Untuk Institusi Pengajian Tinggi Malaysia*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.

Bertens, K. (2003). *Etika dan Moral Untuk Pengajian Tinggi*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Suzanne, L. (2009). *The Importance of Soft Skills in the Workplace As Perceived by Community College Instructors and Industries*. Unpublished Doctoral Dissertation: Mississippi State University.

Laporan Kajian Integriti Nasional. (2007). Kuala Lumpur: Institut Integriti Malaysia (IIM).

Mohd Taib Dora, Norliah Kudus, Mahadi Abu Hassan & Ruziah Ali. (2008). *Kemahiran Insaniah 7 Kompetensi Unggul Mahasiswa*. Melaka: Universiti Teknikal Malaysia Melaka.

Mohd Zulkifli Mohd Ghazali. (2007). *Mendepani Cabaran Ke Arah Universiti Bertaraf Dunia*. Skudai Johor Baharu: Universiti Teknologi Malaysia.

Muhammad Ali Al-Hasyimi. (1999). *Jati Diri Muslim*. M. Abdul Ghoffar (terj.), Jakarta: Pustaka Al-Kautsar.

Mohammad Shatar Sabran & Mohamad Sahari Nordin. (2010). *Kemahiran Insaniah Dan Masa Depan Negara*. Kuala Lumpur: ZH Publishing.

Mohammad Shatar Sabran & Mohamad Sahari Nordin. (2009). *7 Kemahiran Insaniah Pelajar Huraian Dan Penguahan*. Kuala Lumpur: ZH Publishing.

Mohammad Shatar Sabran & Mohamad Sahari Nordin (2008). *Kemahiran Graduan Idaman Majikan*. Serdang Selangor: Universiti Putra Malaysia.

Mohammad Shatar Sabran Mohamad Sahari Nordin. (t.t). *odern Day Finishing School Experience From Los Angeles 2<sup>nd</sup> Version*. Serdang Selangor: Pusat Kokurikulum Universiti Putra Malaysia.

Mohd Fauzi Hamat & Mohd Khairul Naim Che Nordin. (2012). *Akidah Dan Pembangunan Modal Insan*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Nik Safiah Nik Ismail. (2010). *Soft Skills The What The Why The How*. Bangi Selangor: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Paramasivam & Maznah Awang. (2009). *Kemahiran Kerja Berpasukan*. Serdang Selangor: Universiti Putra Malaysia.

Tracy M.Kantrowitz (2005). *Development and Construct Validation of a Measure of Soft Skills Performance*. Unpublished Doctoral Dissertation. Georgia Institute of Technology: Faculty of Technology

Samir Muhazzab & Mohd Shauki Abd Majid. (2009). *Masalah Sosial Peranan Pekerja Sosial Dalam Membangunkan Modal Insan*. Serdang Selangor: Universiti Putra Malaysia.

Pelan Integriti Nasional. (2004). Institut Integriti Malaysia: Kuala Lumpur.

Ronald A. Howard & Clinton D. Korver (2008). *Ethics For The Real World*. Boston Massachusetts: Harvard Business Press.

Tonggak Dua Belas. (The Twelve Pillars) (2003). Kuala Lumpur: Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) Malaysia.

Unit Pemodenan Tadbiran Malaysia. (MAMP), Jabatan Perdana Menteri (1989). *Ke Arah Memajukan Perkhidmatan Awam Yang Cemerlang*. Kuala Lumpur: Laporan Kemajuan Memajukan Perkhidmatan Awam. Jabatan Percetakan Negara.

Vishalache Balakrishnan. (2009), *Pendidikan Moral untuk Universiti Dan Kolej*. Shah Alam Selangor: Arah Publication.